

NO. SOALAN: 21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN

[BUKIT BINTANG – DAP]

TARIKH : 25 OKTOBER 2017

NO. SOALAN : 21

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah etnik Rohingya di Malaysia, penempatan dan kemudahan yang disediakan, kos yang ditanggung oleh Kerajaan dan tekanan Kerajaan ke atas Kerajaan Myanmar bagi menyelesaikan isu Rohingya.

33

**JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

Berdasarkan statistik daripada pejabat Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Pelarian (UNHCR) di Kuala Lumpur, **sehingga 30 September 2017**, terdapat sebanyak **62,153 orang pemegang kad UNHCR etnik Rohingya di Malaysia**. Daripada jumlah ini, sebanyak **53,811 orang adalah "pelarian"**, manakala **11,476 orang merupakan pemohon suaka**.

Untuk makluman, Kerajaan tidak menempatkan "pelarian" etnik Rohingya di mana-mana penempatan di dalam negara. Namun, setelah mendapat kad UNHCR, "pelarian" etnik Rohingya ini bebas bergerak ke mana-mana tempat di Semenanjung Malaysia.

Pada masa kini, "pelarian" etnik Rohingya berada di hampir semua negeri-negeri di Malaysia. Rekod

UNHCR sehingga bulan Februari 2017 menunjukkan anggaran taburan "pelarian" etnik Rohingya di seluruh negeri adalah seperti berikut:

- | | |
|----------------------|----------------|
| 1. Selangor | - 13,135 orang |
| 2. Pulau Pinang | - 10,380 orang |
| 3. Kedah | - 6,633 orang |
| 4. Johor | - 6,227 orang |
| 5. W.P. Kuala Lumpur | - 4,694 orang |
| 6. Terengganu | - 3,039 orang |
| 7. Kelantan | - 2,369 orang |
| 8. Pahang | - 1,952 orang |
| 9. Perak | - 1,056 orang |
| 10. Negeri Sembilan | - 905 orang |
| 11. Melaka | - 857 orang |
| 12. Perlis | - 156 orang |
| 13. Putrajaya | - 133 orang |

Seperti Tuan Yang Di-Pertua sedia maklum, dari segi polisi, Kerajaan Malaysia tidak mengiktiraf status "pelarian" memandangkan Malaysia bukan negara pihak kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol 1967. Di kalangan negara ASEAN, hanya Filipina dan Cambodia yang merupakan Negara Pihak kepada Konvensyen dan Protokol tersebut.

Namun demikian, atas dasar kemanusiaan, "pelarian" yang telah diberikan status perlindungan antarabangsa

oleh UNHCR telah dibenarkan tinggal untuk sementara waktu sebelum mereka diantar pulang ke negara asal atau ditempatkan di negara ketiga. Ini termasuklah etnik Rohingya yang telah diberikan status "pelarian" oleh UNHCR.

Pendatang asing tanpa izin (PATI) termasuk etnik Rohingya yang masuk ke Malaysia hanya boleh didaftarkan oleh UNHCR di depoh-depoh tahanan Imigresen dan pendaftaran secara *walk-in* di pejabat UNHCR adalah tidak dibenarkan. Sehingga kini, jumlah depoh-depoh tahanan imigresen adalah sebanyak 14 buah dan jumlah PATI dari Myanmar yang sedang berada di depoh-depoh tersebut adalah sebanyak 3,239 orang. Tiada data bagi jumlah PATI etnik Rohingya di depoh-depoh secara spesifik daripada UNHCR kerana perkiraan statistik dibuat meliputi keseluruhan etnik Myanmar.

Selain mendaftarkan "pelarian" etnik Rohingya dan memberikan mereka kad UNHCR, pihak UNHCR juga secara dasarnya bertanggungjawab bagi menguruskan

hal ehwal "pelarian" etnik Rohingya seperti sara hidup, kesihatan, tempat tinggal, keselamatan, makanan dan pendidikan dalam tempoh tinggal sementara di Malaysia.

Sungguhpun tidak menanggung dari segi kewangan, Kerajaan Malaysia telah memberikan beberapa kemudahan kepada etnik Rohingya. Mereka mendapat potongan harga caj di hospital dan klinik kerajaan sebanyak 50% berbanding warganegara asing yang lain dan anak-anak "pelarian" mempunyai akses kepada pendidikan swasta yang diwujudkan oleh NGO, komuniti "pelarian" dan UNHCR.

Pihak Kerajaan melalui forum-forum serantau dan antarabangsa seperti ASEAN dan OIC sentiasa menggesa dan menekan Kerajaan Myanmar untuk menangani masalah-masalah yang berkaitan dengan etnik Rohingya di Rakhine State, Myanmar yang memberikan impak kepada negara-negara jiran termasuk Malaysia. Selain itu, Malaysia juga sentiasa menyalurkan bantuan kemanusiaan kepada etnik

Rohingya di Myanmar dan yang telah melarikan diri ke Bangladesh seperti Misi kemanusiaan *Food Flotilla For Myanmar.*

Sekian, terima kasih.